

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

HMT 329 - Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa Di Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A dan pilih **SATU [1]** soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. Menggunakan langkah-langkah yang telah disarankan oleh Carl James (1992), terangkan bagaimana anda boleh melakukan satu analisis kontrastif mikrolinguistik B1 dan B2. Namakan juga B1 dan B2 yang hendak digunakan dalam penerangan anda.
[20 markah]
2. Terangkan gabungan langkah-langkah analisis kekhilafan yang disarankan oleh Rod Ellis (1986) & S. N. Sridhar (1985). Gunakan data dari laman komik "Rekreasi Minda" dalam penerangan anda. Lihat Lampiran 1.
[20 markah]
3. Terangkan dengan ringkas dan padat **EMPAT [4]** daripada hal-hal di bawah. Sertakan juga contoh-contoh yang bersesuaian dalam huraian anda.
 - [a] interbahasa dan intrabahasa [5 markah]
 - [b] kekhilafan bahasa dan kesalahan bahasa [5 markah]
 - [c] pemindahan positif dan pemindahan negatif [5 markah]
 - [d] sumbangan analisis kontrastif dan analisis kekhilafan kepada bilingualisme [5 markah]

...2/-

[e] bidang analisis kontrastif dan analisis kekhilafan sebagai sains linguistik dan sains psikologi

[5 markah]

4. Richards (1971) dan Fisiak (1985) mengatakan terdapat empat perkembangan kekhilafan di dalam pembelajaran bahasa. Huraikan **DUA [2]** daripada empat perkembangan kekhilafan di bawah dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

[a] generalisasi melampau [10 markah]

[b] kejahilan batasan rumus [10 markah]

[c] pengaplikasian rumus yang tidak lengkap [10 markah]

[d] penghipotesisan konsep palsu [10 markah]

BAHAGIAN B: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

5. James Peoples dan Garrick Bailey (2000: 34) mengatakan:

Language and culture together are critical to the development of human individuals – unless we learn them, our psychological and social development is incomplete.

Merujuk kepada pernyataan di atas, bincangkan keperluan mengetahui bahasa dan budaya untuk membantu penyelidikan dan pengajaran-pembelajaran yang berfokus kepada analisis kontrastif. Gunakan maklumat daripada "aktiviti dadih-pisang", "aktiviti kaligrafi Cina Islam", "aktiviti persolekan", dan "aktiviti pelajar asing" dalam perbincangan anda.

[20 markah]

6. Bincangkan cara-cara pendekatan Analisis Kontrastif dan Analisis Kekhilafan boleh membantu seseorang yang mengajar bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua atau sebagai bahasa asing.

[20 markah]

7. Sejauh manakah dialek Melayu mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia? Jelaskan dengan menggunakan contoh-contoh daripada fonetik, fonologi, morfologi, dan sintaksis untuk menyokong hujah-hujah anda.

[20 markah]

...Lampiran 1/-

...3/-

